

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT DAN SALAM SEJAHTERA,  
TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,  
YBHG. DATUK DR. ABDUL LATIFF AHMAD,  
TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA;  
DR AHMAD FAIZAL PERDAUS,  
PRESIDEN MERCY MALAYSIA;  
DR AHMAD FAIZAL PERDAUS,  
PRESIDEN PERSATUAN IBU BAPA KANAK-KANAK AUTISMA(PERKASA);  
ASSOC. PROF DR MOHAMED IKRAM MOHAMED SALLEH & DR BASMULLAH BIN YUSOFF,  
PENASIHAT YOUNG MERCY KOLEJ UNIVERSITI SAINS PERUBATAN CYBERJAYA;  
PARA PENGIRING DAN ANAK-ANAK YANG DIRAIKAN DARI PERKASA,  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, SAYA MENGUCAPKAN SYUKUR KE HADRAT ILAHI ATAS LIMPAN KURNIA YANG DIBERIKAN, ATAS KESEHATAN DAN KESEJAHTERAAN YANG MEMBOLEHKAN DIRI SAYA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN BERKUMPUL UNTUK BERSAMA-SAMA PADA MALAM INI.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

PERTAMA KALI, SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA PIHAK PENGANJUR YANG TELAH BEKERJA KERAS DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN DAN KEJAYAAN MALAM KUNTUMAN KASIH INI. SAYA BERBANGGA DENGAN INISIATIF DAN SIKAP PRO-AKTIF YANG DITUNJUKKAN OLEH BADAN YOUNG MERCY, KOLEJ UNIVERSITI SAINS PERUBATAN CYBERJAYA. KHUSUSNYA PARA PELAJAR TAHUN DUA (YOUNG MERCY KUMPULAN 2 & 3) KERANA MENYAHUT SERUAN KERAJAAN UNTUK MEWUJUDKAN MASYARAKAT PENYAYANG (*CARING SOCIETY*) IAITU SATU KAEDAH KE ARAH MASYARAKAT YANG PENYAYANG DAN SEJAHTERA.

SESUNGGUHNYA KANAK- KANAK AUTISME DI NEGARA KITA AMAT BERTUAH KERANA MASYARAKAT KITA ADALAH MASYARAKAT YANG AMAT PRIHATIN. KALAU BERBANDING DI NEGARA-NEGARA LAIN, NASIB KANAK-KANAK AUTISME KITA JAUH LEBIH TERBELA. STATUS SEBUAH NEGARA MAJU TIDAK HARUS MENINGGALKAN NILAI-NILAI SOSIAL DAN KEJIWAAN. KERAJAAN MELALUI PELBAGAI AGENSI TERUTAMANYA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT TELAH DAN SENTIASA MELAKSANAKAN APA JUA PROGRAM BAGI MEMASTIKAN KUMPULAN ANAK-ANAK INI TIDAK KETINGGALAN DALAM MENIKMATI SEPENUHNYA DARI SEGI PEMBANGUNAN EKONOMI, KESTABILAN POLITIK DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

WALAU BAGAIMANAPUN, KEBAJIKAN TERHADAP GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK INI TIDAK HARUS DILETAKKAN SEPENUHNYA KEPADA KERAJAAN SEMATA-MATA. MASYARAKAT KESELURUHANNYA HARUSLAH TURUT SAMA MENGGEMBLENG TENAGA DAN USAHA SECARA BERTERUSAN MENUNJUKKAN KASIH SAYANG DAN KEPRIHATINAN KITA TERHADAP GOLONGAN INI. MELALUI PENGANJURAN PROGRAM-PROGRAM AMAL SEPERTI INILAH MASYARAKAT BERPELUANG MENYUMBANG SESUATU YANG BERGUNA DEMI PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG BAIK.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMBINA SEBUAH MASYARAKAT YANG KUKUH DAN BERTANGGUNGJAWAB SERTA PENYAYANG SELARAS DENGAN WAWASAN 2020. UNTUK ITU, GOLONGAN KANAK-KANAK KHUSUSNYA YANG KURANG BERNASIB BAIK HARUSLAH DIBERI TUMPUAN. INI ADALAH KERANA GOLONGAN KANAK-KANAK MERUPAKAN MODAL INSAN BANGSA DAN NEGARA DI MASA HADAPAN. JUSTERU ITU, GOLONGAN INI HARUSLAH DIBANGUNKAN SUPAYA BERUPAYA MEMIMPIN NEGARA KE ARAH KECEMERLANGAN.

DALAM KONTEKS KANAK-KANAK AUTISME, KITA YANG TIDAK BERADA DI TEMPAT MEREKA HARUSLAH SECARA BERTERUSAN MENGHULURKAN BANTUAN. BANTUAN YANG DIPERLUKAN OLEH MEREKA BUKAN HANYA DALAM BENTUK WANG RINGGIT, TETAPI APA YANG JAUH LEBIH PENTING ADALAH KASIH SAYANG DAN KEPRIHATINAN KITA TERHADAP MEREKA. INILAH YANG SEBENARNYA DIPERLUKAN OLEH MEREKA. MELALUI KASIH SAYANG DAN KEPRIHATINAN, KITA MENYEDIAKAN SATU SUASANA TUMBESARAN YANG POSITIF. DAN AKHIRNYA, PASTINYA SUATU HARI NANTI MEREKA INI APABILA DEWASA KELAK AKAN MENJADI SEORANG INSAN YANG CEMERLANG DAN TERBILANG.

SEBAGAI SEBUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI, KOLEJ UNIVERSITI SAINS PERUBATAN CYBERJAYA BUKAN SAHAJA BERPERANAN DALAM MELAHIRKAN ILMUAN DAN CENDEKIAWAN YANG BERJAYA SEMATA-MATA. BAHKAN, IANYA TURUT MENJANGKAUI PERANAN MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG BUKAN SAHAJA CEMERLANG DALAM PELAJARAN MAHUPUN AKADEMIKNYA SAHAJA, TETAPI SEIRING DENGAN KECEMERLANGAN DALAM ASPEK KEMANUSIAAN.

PROGRAM AMAL PADA HARI INI MEMBUKTIKAN BAHAWA KOLEJ UNIVERSITI SAINS PERUBATAN CYBERJAYA TELAH BERJAYA DALAM MATLAMATNYA. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA JAWATANKUASA PROGRAM AMAL INI ADALAH TERDIRI DARIPADA PARA PELAJAR TAHUN 2(BADAN YOUNG MERCY KUMPULAN 2&3). MELALUI PROJEK SEPERTI INI, PELAJAR BUKAN SAHAJA DIDIDIK DENGAN HAL-HAL BERKAITAN ORGANISASI DAN KEPIMPINAN, BAHKAN HAL-HAL BERKAITAN KEMANUSIAAN TURUT DIBERI PERHATIAN UTAMA. SAYA PERCAYA, TERDAPAT

BANYAK LAGI BENTUK PROGRAM YANG BOLEH DILAKSANAKAN OLEH JAWATANKUASA INI. TETAPI MEREKA TELAH MEMILIH PROGRAM AMAL SEBAGAI PROJEK KERANA DI DALAM DADA MEREKA BUKAN SAHAJA TERDAPAT ILMU, TETAPI JUGA SIFAT KEMANUSIAAN DAN KEPRIHATINAN TERHADAP MASYARAKAT. SYABAS SAYA UCAPKAN.

SAYA JUGA DIMAKLUMKAN, TERDAPAT ORANG PERSEORANGAN DAN KUMPULAN YANG TELAH SUDI MENDERMA DAN MENJADI PENAJA BAGI PROGRAM AMAL INI. PERKEMBANGAN INI AMATLAH POSITIF KE ARAH MASYARAKAT YANG PENYAYANG. SAYA PERCAYA, KESUDIAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MENGELUARKAN SEBAHAGIAN PENDAPATAN UNTUK DIKONGSIKAN DENGAN KANAK-KANAK AUTISME INI LAHIR DARI HATI NURANI YANG IKHLAS. SIKAP PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB YANG DITUNJUKKAN INI MENUNJUKKAN BAHAWA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ADALAH ANGGOTA MASYARAKAT YANG SEDAR, PEKA DAN PRIHATIN. INI AKHIRNYA AKAN MEMAJUKAN KESEJAHTERAAN MEREKA YANG KURANG BERNASIB BAIK DALAM ERTI KATA YANG SEBENARNYA. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA PENDERMA DAN PENAJA.

#### **UNTUK ANAK-ANAK YANG DIRAIKAN,**

PERCAYALAH, BAHAWA NASIB ANAK-ANAK AKAN SENTIASA TERBELA. JANGAN SESEKALI MERASAKAN BAHAWA STATUS ANDA SEKARANG TIDAK AKAN MEMBAWA KEPADA KEJAYAAN DI MASA HADAPAN. SEJARAH TELAH BANYAK MEMBUKTIKAN BAHAWA KESUSAHAN, PENDERITAAN DAN KEPERITAN ADALAH FORMULA TERBAIK BAGI SESUATU KEJAYAAN. HADAPILAH DENGAN PENUH KEYAKINAN, BERUSAHALAH DENGAN PENUH KEAZAMAN DAN AKHIRNYA BERDOALAH DENGAN PENUH KEIHLASAN DAN TAWAKKAL.

AKHIRNYA, SAYA SEKALI LAGI MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PELAJAR TAHUN 2 KOLEJ UNIVERSITI SAINS PERUBATAN CYBERJAYA KERANA BERJAYA MENGANJURKAN MALAM KUNTUMAN KASIH INI. ADALAH MENJADI HARAPAN AGAR PROGRAM AMAL INI DAPAT MEMBUKA MATA DAN FIKIRAN BAHAWA KITA SEMUA MEMPUNYAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK.

KEPADA JAWATANKUASA PROGRAM YANG TERDIRI DARIPADA PARA PELAJAR INI, SAYA PERCAYA SAUDARA DAN SAUDARI BUKAN SAHAJA BERPELAJARAN TETAPI BERPENDIDIKAN, BUKAN SAHAJA BERIJAZAH TETAPI TURUT JUGA BERILMU. PERBEZAAN ANTARA BERPELAJARAN DAN BERPENDIDIKAN, SERTA BERIJAZAH DAN BERILMU SUDAH CUKUP MEMBEZAKAN ANTARA INSAN YANG PEKA KEPADA PERSEKITARANNYA DALAM MENEMPA KEJAYAAN YANG BERKEKALAN. JADI, SYABAS SAYA UCAPKAN!

SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN SAYA, IZINKAN SAYA MENUJUKAN PANTUN BERIKUT KEPADA ANAK-ANAK YANG DIRAIKAN.

KILAT GUNTUR MEMBAWA HUJAN,  
TAMAT KEMARAU BENDANG MELIMPAH;  
TATKALA BERLAKU SETIAP KEJADIAN,  
ADA RAHMAT BERSALUT HIKMAH.

AKHIRNYA,DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN **SUKACITANYA MERASMIKAN MALIS MAKAN MALAM KUNTUMAN KASIH** BERSAMA KANAK-KANAK AUTISME ANJURAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS PERUBATAN CYBERJAYA.

SEKIAN. TERIMA KASIH.